

BAB I

PEDAHULUAN

1. 1. Pengenalan

Nama yang menjadi tajuk kajian ini pastinya masih asing di telinga kita dalam pengajian hadith. Namun, menerusi karya-karya yang dihasilkan dan peranannya terhadap pengajian hadith, menjadikannya tidak dengan begitu mudah untuk dilupakan. Justeru pemilihan tajuk kajian ini adalah disebabkan rasa ingin mengetahui lebih jauh susur galur kehidupannya serta sumbangan-sumbangan yang sudah didedikasikan kepada umat islam dalam bidang pengajian hadith.

Menerusi kajian ini, akan diperkenalkan biografi tokoh yang menurut penulis, boleh dikatakan sebagai *icon* ulama hadith kurun ke-20 di Sumatera Utara. Justeru dengan menelusuri lebih mendalam hasil karya dan sumbangannya, dapat juga disejajarkan dengan tokoh-tokoh ulama di Indonesia. Sangat disayangkan, ulama *mu'āsir* (hidup satu masa) dan satu alumni dengan Shaykh Yāsīn Fadānī¹ ini masih kurang dikenal kapabilitinya sebagai tokoh hadith. Oleh itu, akan dihuraikan peranannya sebagai pelajar sekaligus pengajar di *Dārul 'Ulūm al-Dīniyyah* makkah. Kemudian akan didedahkan kontribusinya dalam pengajian hadith yang direalisasikan dalam bentuk karya dan pengajaran di Sumatera Utara.

Seterusnya, akan dihuraikan pula satu persatu karya-karyanya sebagai sumbangan nyata beliau dalam pengajian hadith. Karya-karya itu dapat dijumpai di

¹ Nama penuhnya 'Alam al-Dīn Abū Muḥammad Muḥammad Yāsīn bin Muḥammad 'Īsā al-Fādānī Al-Makkī. Muhammad Yāsīn al-Fādānī, *Al-Arba'ūn al-Buldāniyyah: Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'in Shaykhan min Arba'in Baladan* (Beyrut : Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1986), 3. Lihat juga Taufik Abdullah et al. ed., *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam* (cet. 3 Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005), 136. Bandingkan Jannatul Husna, *Shaykh Yasin al-Fadani (m.1990) dan Sumbangannya Dalam Pengajian Hadith*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 61

beberapa Universiti di Rantau ini seperti Sekolah Tinggi Agama Islam Tapanuli (STAITA), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Brunei Darussalam (UBD), dan Perpustakaan Masjid Istiqlal, Indonesia.

1.2. Latar Belakang Masalah

Berbeza dengan masa permulaan penulisan hadith pada masa perkembangan awalnya², sejak awal pertumbuhannya di Nusantara, pengajian hadith merupakan satu pengajian yang baru dibandingkan dengan yang lain. Tidak seperti halnya pengajian tasawuf, aqidah serta fiqh, pengajian hadith adalah termasuk pengajian yang tercicir.

Menurut Ramli Abdul Wahid, sistem pengajaran Agama sebelum tahun 1900 M. kurang memperhatikan hadith. Bahkan penganjur-penganjur Islam dahulu melaksanakan penyiaran Islam dimana sahaja mereka berada. Mereka mengembangkan Islam dengan cara mudah dan berangsur-angsur. Pendeknya, bila orang telah mengakui rukun iman yang enam dan rukun Islam yang lima, telah dianggap sebagai seorang Muslim. Setelah itu, mereka mulai mengajarkan huruf Arab, baca al-Quran, cara beribadah, dan tawhid dengan sifat dua puluh. Kemudian pengajaran Agama meningkat kepada membaca kitab kuning (kitab Arab) yang dimulai dengan belajar nahu, seperti kitab *al-'Awāmil dan Matn al-Ajrumiyah*, dan ilmu *ṣarf* dengan menghafal taṣrīf.

² Pengajian hadith merupakan kajian terawal di bukukan diantara cabang ilmu islam lainnya. Justeru pengajian tafsir pada awalnya merupakan salah satu bab pembahasan hadith, sehinggalah akhirnya kitab-kitab tafsir ditulis berasingan dengan buku-buku hadith. Menurut Shaykh al-Dzahabī selepas masa sahabat dan tabi'in, tafsir melalui fasa yang kedua, yaitu penulisan (tadwin). Ketika itu sudah mulai ada langkah penulisan hadith dengan pembahagian bab yang pelbagai. Tafsir kemudian menjadi salah satu bab dalam penulisan hadith. Lihat Muḥammad Ḥusein Al-Dzahabī, *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2003), 104. M. Syuhudi Ismail, *Pengantar Ilmu Hadits* (Bandung: Angkasa, tt.), 70. Lihat juga Fatchurrhman, *Ikhtisar Musthalahul Hadits* (Bandung: PT. Al-Ma'arif, 1974), 52

Seterusnya diajarkan kitab fekah *al-Minhāj* dan tafsir *al-Jalālayn*. Kitab-kitab ini diajarkan dengan menerjemahkan dan menerangkannya dalam bahasa Melayu.³

Mahmud Yunus mengatakan bahawa demikianlah kira-kira susunan pendidikan Islam beberapa tahun sebelum tahun 1900 M. Dalam keterangan ini sama sekali tidak tersebut pelajaran hadith. Pada periode setelah 1900-an telah muncul pesantren dan madrasah. Mahmud Yunus dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* telah menulis sejumlah pesantren dan madrasah yang lahir di Indonesia serta nama-nama kitab yang diajarkan disana. Diantaranya (khusus di bidang hadith) ialah *Matn al-Arba'īn al-Nawawiyah*, *Bulūgh al-Marām*, *Tajrīd al-Ṣaḥīh*, *Hadith al-Bukhari*, dan *Muṣṭalah al-Hadith* karya Mahmud Yunus.⁴ Lahirnya pesantren dan madrasah di berbagai daerah dengan kitab-kitab hadith dan *muṣṭalah hadith* yang diajarkan disana, masih memberikan gambaran kesederhanaan pengajian hadith di Indonesia waktu itu sebagai kelanjutan dari keadaan sebelumnya.

Pada tahun 1994, Azyumardi Azra melakukan penelitian mengenai kemajuan pengajian hadith di Indonesia. Dari 107 judul disertasi doktor di Program Pascasiswazah IAIN Jakarta, ternyata sembilan tajuk (6,7 %) sahaja yang berkaitan dengan hadith. Dengan membandingkan dengan tajuk teologi, fekah, tafsir dan tasawuf, Azyumardi Azra mengambil kesimpulan, bahawa kajian hadith masih menjadi subjek terbiar dibandingkan dengan subjek-subjek selainnya.⁵

Tercicirinya pengajian hadith, berhujung kepada kelangkaan ulama di bidang ini. Sepertimana disampaikan pada pengenalan, Shaykh Ali Hasan adalah seorang tokoh

³ Ramli Abdul Wahid, "Sejarah Pengajian Hadith di Indonesia" (Prosiding Seminar Warisan Al-Quran & al-Hadith Nusantara, Jabatan Quran dan Hadith, APIUM, 2008), 2: xxx

⁴ Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Mutiara Sumber Widya, 1962), 32

⁵ Ramli Abdul Wahid, "Sejarah Pengajian Hadith", xxxix. Lihat juga Azyumardi Azra, *Kecenderungan Kajian Islam di Indonesia: Studi Tentang Disertasi Doktor Program Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah* (Jakarta: t.p., 1997), 23-24

hadith yang kurang dikenal. Jangankan pada peringkat antarabangsa, di negeri asal beliau, Sumatera Utara pun, masih banyak yang tidak mengenalinya. Namun demikian, kelangkaan maklumat mengenai tokoh ini, tidak serta merta menafikan jasa yang sudah ditaburnya. Itulah sebabnya, boleh dikatakan, tokoh ini ialah diantara *ulama yang terdicir* dari sejarah.

Ada beberapa kemungkinan menurut penulis mengapa dia tidak nampak menonjol di bidang ini khususnya dikalangan akademisi. *Pertama*, tidak adanya minat dari seorang peneliti untuk membahas ketokohan beliau dalam bidang ini. *Kedua*, adanya angapan bahawa apa yang beliau sumbangkan hanyalah bentuk yang tidak seberapa, sehingga tidak layak untuk dijadikan sebagai bahan penelitian. Inilah yang menjadi alasan yang sangat kuat bagi penulis sehingga merasa teruja untuk menerokai penelitian tentang ketokohan ulama ini.

Kembali kepada pernyataan bahawa Shaykh Ali Hasan yang belum cukup dikenal dalam ketokohnya pada bidang hadith. Selain daripada alasan diatas, zaman kehidupan tokoh ini (1915-1998 M) juga menimbulkan sesuatu pertanyaan besar bagi penulis. Mengapa pada buku-buku biogarfi tokoh yang mengkaji Ulama-ulama yang semasa dengan beliau di *Dār al-‘Ulūm* Makkah seperti Yāsīn al-Fādānī tidak ditemukan nama tokoh ini? Padahal dari literatur yang penulis jumpai ada disebutkan bahawa ketika Shaykh ini keluar dari Madrasah Şawlatiyah Makkah, dia mula belajar di *Dār al-‘Ulūm* dan sekaligus berkhidmat sebagai pengajar.⁶ Ini adalah sesuatu yang mencabar bagi penulis untuk merungkai perjalanan ilmiah Shaykh Ali Hasan di tanah haram pada masa itu.

⁶ Ketika itu lebih kurang separuh dari guru-guru dan para pelajar madrasah yang berasal dari Indonesia dan Malaysia akhirnya pindah ke Madrasah Dār al-‘Ulūm. Lihat Salmawati Hasibuan dan Mahfudz Budi Hasibuan, *Syekh Ali Hasan Ahmad: Sebuah Biografi Kecil* (Padang Sidempuan: Majelis Ulama Daerah Tingkat II Tapanuli Selatan, 1985), 5.

1.3. Masalah Kajian

Dari pengamatan penulis ada beberapa masalah yang perlu dikaji tentang ketokohan Shaykh Ali Hasan Ahmad:

- a. Perkembangan pengajian hadith di Indonesia pada zamannya (kurun ke-20)
- b. Bagaimana latar belakang kehidupan, sejarah pendidikan, pengajaran dan aktiviti Shaykh Ali Hasan dalam pergerakan Islam?
- c. Apakah bentuk-bentuk sumbangan yang pernah dicurahkan oleh Shaykh Ali Hasan dalam pengajian Hadith dan bagaimana karakteristiknya?

1.4. Objektif Kajian

Berdasarkan kepada masalah kajian diatas, maka yang menjadi objektif kajian ini adalah:

- a. Mengenal pasti sejarah perkembangan pengajian hadith di Indonesia menerusi tokoh-tokoh dan karya-karya mereka;
- b. Mengenal lebih dekat latar belakang kehidupan Shaykh Ali Hasan, pendidikan, pengajaran, pergerakan serta karya-karya yang pernah dihasilkannya;
- c. Bentuk-bentuk sumbangan yang pernah beliau berikan dalam bidang pengajian hadith beserta karakteristiknya.

1.5. Skop Kajian

Dalam kajian ini, yang menjadi tumpuan penelitian adalah sumbangan Shaykh Ali Hasan dalam pengajian hadith. Ini akan dapat dijumpai pada karya-karya yang ditulis oleh beliau semasa hidupnya. Selain dari pada itu, juga ditumpukan pada pengajian-pengajian yang pernah dijalankan oleh Shaykh Ali Hasan.

1.6. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini tidak dapat dipandang sebelah mata. Dengan adanya karya-karya yang dihasilkan oleh Shaykh Ali Hasan, menjadi bukti bahawa pada kurun ke-20, di Sumatera Utara ada tokoh ulama yang berautoriti di bidang hadith. Karya-karya ini pula diguna pakai pada beberapa instusi pendidikan. Sama ada pada peringkat rendah dan menengah, mahupun pada peringkat pengajian tinggi. Perkara ini membuktikan bahawa pengarangnya mempunyai kewibawaan dalam pengajian hadith. Secara garis besarnya kepentingan kajian ini adalah:

1. Menelusuri perkembangan pengajian hadith di Indonesia pada kurun 20.
2. Mengenal sosok ulama hadith yang belum banyak dikenali di kalangan intelektual apalagi masyarakat awam.
3. Menyingkap sumbangan ilmiah yang dihasilkan oleh Shaykh Ali Hasan dalam bidang hadith beserta karakteristik karya-karya yang disumbangkan.

1.7. Kajian Lepas/Literature

Kajian lepas ataupun sorotan literature dimaksudkan mengkaji buku-buku referensi dan hasil penyelidikan seumpamanya yang pernah dilakukan oleh orang lain. Tujuan daripada tinjauan pustaka ini ialah bagi mengelakkan pengkaji untuk membuat penyalinan serupa (*duplication*), tanpa membetulkan kelemahan-kelamahan kajian yang sudah ada atau mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh pengkaji lepas.⁷ Selain daripada itu, kajian lepas juga merupakan suatu perkara yang sangat penting. Kerana ianya akan dapat membantu membuka jalan-jalan baru dan banyak dalam menyelesaikan kajian.

Di bawah ini, penulis akan cuba menghuraikan kajian-kajian lepas mengenai Shaykh Ali Hasan. Diantara tulisan yang merangkumkan riwayat hidup beliau, ada juga kajian menghuraikan kehebatannya sebagai tokoh yang sangat berpengaruh di daerah keahirannya. Walaupun kepakarannya dalam bidang hadith tidak mendapatkan perhatian. Justeru kajian utama dan dinggap berautoriti adalah kajian yang menyatakan kelayakan beliau sebagai ulama hadith dan dikaji pula oleh tokoh hadith di Sumatera Utara.

1. Salmawati Hasibuan dan Mahfuzd Budi Hasibuan (1985), *Sheikh Ali Hasan Ahmad: Sebuah Biografi Kecil* (Padang Sidempuan: Majelis Ulama Daerah Tingkat –II Tapanuli Selatan).

Dalam buku yang ditulis oleh kedua anaknya ini dihuraikan riwayat hidup Shaykh Ali Hasan meliputi kelahiran, latar belakang keluarga, pendidikan dan khidmatnya di masyarakat. Pada buku ini juga disenaraikan karya-karya yang telah dihasilkan termasuk di bidang hadith.⁸ Buku yang ditulis oleh dua orang anaknya ini

⁷ Jonathan Sarwono, *Metod Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif* (Yogyakarta: Graha Ilmu, 2006), 23 dan 26. Lihat juga ChuaYan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 35-36

⁸ Salmawati Hasibuan dan H. Mahfuzd Budi Hasibuan, *Syekh Ali Hasan Ahmad*, 47-48

merupakan buku paling lengkap dalam menghuraikan sejarah hidup beliau. Walaupun demikian, penulis melihat bahawa pengajian hadith belum mendapat tempat yang sewajarnya dalam buku berkenaan. Oleh itu, penulis diharapkan dapat menumpukan perhatian pada khidmat dan karya-karyanya di bidang hadith.

2. Fachruddin Hasibuan (1994), *Riwayat Hidup Prof. Sjech Ali Hasan Addary Pahlawan Kemerdekaan* (Padang Sidempuan: C. V. Mahfuz Budi).

Buku yang lebih layak disebut sebagai *Curriculum Vitae* (CV) ini terdiri dari enam bahagian. *Pertama*, menghuraikan data pribadi; *kedua*, riwayat pendidikan; *ketiga*, pengabdian dalam organisasi, perjuangan kemerdekaan, kemasyarakatan, dan sosial; *keempat*, pengabdian dalam bidang pendidikan; *kelima*, pengabdian kepada negara; dan yang *keenam*, penghargaan.⁹

Sepertimana disampaikan di atas, buku ini hanya setakat menghuraikan data pribadi secara ringkas. Pengajian hadith tidak disinggung sama sekali. Ianya hanya terdiri dari 11 muka surat sahaja.

⁹ Fachruddin Hasibuan, *Riwayat Hidup Prof. Sjech Ali Hasan Ahmad Addary Pahlawan Kemerdekaan* (Padang Sidempuan,; CV. Mahfuz Budi. 1994) 1-9

3. Katimin (t.t), *Syeikh Ali Hasan Ahmad Al-Dary: Ulama Intelek Sumatera Utara*, t.p.

Sampai pada tahap akhir penulisan kajian selesai dibuat, penulis belum menemukan karya ini walaupun sudah berusaha mencari buku tersebut. Justeru penulisnya sendiri sudah tidak tahu dimana naskhah itu berada. Tapi berdasarkan referensi yang menyebutkan keberadaan karya tersebut menjelaskan bahawa, rujukan utama dalam penulisan adalah karya yang pertama dan kedua di atas. Sehingga walaupun karya tersebut dijumpai, ianya hanya rujukan yang bersifat sekunder.

4. Rusman Hasibuan (1996), *Pembaharuan Syeikh Ali Hasan Ahmad: Ketua Yayasan STAITA Padang Sidempuan* (Padang Sidempuan: STAITA Padang Sidempuan).

Buku ini merupakan buku yang paling terkecil diantara buku-buku yang ditulis mengenai Shaykh Ali Hasan. Ianya hanya terdiri dari enam muka surat. Didalamnya disenaraikan pendapat Shaykh Ali Hasan terhadap isu-isu semasa seperti *pemberian faedah bank, hukum memakai ihram di Jeddah, pembayaran zakat bagi pegawai kerajaan* dan lain-lain.¹⁰ Kalau dilihat dari judul bukunya, sangat jauh berbeza, seperti kata pepatah “*indah khabar dari rupa.*”

Adapun penulis karya ini ialah seorang pensyarah di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) sekaligus Pensyarah di Sekolah Tinggi Agama Islam Tapanuli (STAITA).¹¹ Beliau juga salah seorang yang rapat dengan Shaykh Ali Hasan. Dari pengamatan penulis, karya ini layak sebagai pendapat (fatwa) Shaykh Ali Hasan dalam beberapa perkara agama berbangkit pada masa itu yang

¹⁰ Drs. Rusman Hasibuan, *Pembaharuan Syekh Ali Hasan Ahmad: Ketua Yayasan STAITA* (Padang Sidempuan: STAITA Padang Sidempuan, 1996), 1-7

¹¹ Kedua institusi ini juga merupakan tempat Shaykh Ali Hasan mengajar dan mendedikasikan ilmunya.

kemudian ditulis oleh rakan sekaligus muridnya itu. Sebelum diterbitkan, pastinya tulisan ini juga sudah disemak kembali oleh Shaykh Ali Hasan.

5. Amir Salim Hasibuan¹² (2004), *Peranan Syekh Ali Hasan Ahmad Terhadap Pendidikan*, skripsi (latihan Ilmiah) di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Padang Sidempuan.

Berdasarkan hasil temubual dengan pelajar yang menulisnya, didapati karya tulisan ini banyak menghuraikan sejarah hidup Shaykh Ali Hasan, peranannya dalam pendidikan di Sumatera Utara dan sebagai tokoh masyarakat. Kepakarannya dalam bidang hadith belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Dari itu, tugas penulis dalam menghuraikan peranan Shaykh Ali Hasan dalam bidang hadith memang sangat diperlukan.

6. Basyral Hamidi Harahap (2004), *Madina Yang Madani* (Panyabungan: Pemerintah Daerah Kabupaten Madina).

Buku ini ditulis dengan tujuan memperkenalkan Daerah Madina (Mandailing Natal) sebagai daerah yang punya potensi besar di segala aspek kehidupan. Sehingga dengan peluncuran buku ini, dapat memberangsangkan percepatan pembangunan di daerah tersebut. Pada bab 11, dalam sub tajuk yang berjudul *Serambi Mekkah*, penulisnya mencantumkan nama Shaykh Ali Hasan sebagai ulama dan tokoh masyarakat yang sangat berjasa di daerah Madina.

Dalam bukunya, Basyral Hamidi nampak sudah membuat kajian yang lebih fokus terhadap Shaykh Ali Hasan dalam kapasitasnya sebagai ulama hadith. Selain menyenaraikan guru-guru Shaykh Ali Hasan dipelbagai bidang studi, dia juga

¹² Pelajar STAIN ini adalah anak kandung dari Rusman Hasibuan, salah seorang penulis *literature review* Shaykh Ali Hasan.

melengkapkannya dengan karya-karya yang pernah di hasilkan. Justeru ia menyenaraikan guru-guru Shaykh Ali Hasan di bidang hadith secara khusus beserta buku-buku yang dipelajari bersama para *masyāikh* tersebut.

Diantara para guru Shaykh Ali Hasan di bidang hadith yang di sebutkan beliau ada sebelas orang. Mereka adalah, Shaykh Ahmad Harosani dan Shaykh ‘Umar Ḥamdān al-Mahrasī memakai kitab *Bukhari Muslim*. Bersama Shaykh Husein Abdul Ghani memakai buku *Musnad al-Syāfi’ī* dan *Musnad Abū Ḥanīfah*. Shaykh Janan Thoib Minangkabau memakai buku *Irsyād al-Fuhūl* dan *Saḥīh al-Bukhāriy*, Shaykh Ḥāmid al-Faqīh al-Miṣrī memakai buku *Bulūgh al-Marām*, Shaykh Ḥasan Muḥammad al-Mashāṭ memakai buku *Jāmi’ al-Tirmidhī*. Gurunya yang lain adalah Shaykh Aḥmad Rowwās, Shaykh ‘Abd al-Razzāq ‘Alī Ḥamzah al-Miṣry, Shaykh Ahmad Turkey, Shaykh Abū Samḥ dan Shaykh Abdullah Bin Nuh.¹³

Buku yang ditulis sebagai bunga rampai mengenai daerah Mandailing Natal (MADINA) tersebut sangat penting dalam kajian ini. Selain menghuraikan sejarah hidup Shaykh Ali Hasan, karya ini juga menuliskan sejarah daerah yang banyak menghasilkan para ulama yang sangat besar jasanya. Kerana ulama-ulama yang berasal dari daerah ini bukan sahaja berperanan di Indonesia, justeru di peringkat antarabangsa. Namun, kajian terhadap Shaykh Ali Hasan tidak selesai dibahas, dan belum mengarah kepada sumbangannya dalam bidang hadith, baik pengajian mahupun karya-karya yang dihasilkan.

¹³ Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani* (Panyabungan: Pemerintah Daerah Kabupaten Madina, 2004), 303

7. Ramli Abdul Wahid (2010), *Sejarah Pengkajian Hadis di Indonesia* (Medan: IAIN Press).

Seperti judulnya, buku ini ditulis khas membahas sejarah pengajian hadith di Indonesia setelah kurun ke 19. Hingga kini, buku karangan Professor dan pakar di bidang hadith ini merupakan buku yang paling komprehensif dalam bidang ini. Dalam perbahasannya, disebutkan tokoh-tokoh hadith sebagai mata rantai pengajian hadith di Indonesia beserta karya-karyanya. Seterusnya, buku ini juga menghuraikan peranan organisasi masyarakat (ormas) sebagai penggerak berkembangnya pengajian hadith di Indonesia. Diantara ormas yang sangat berperan menurut beliau adalah Persis (Persatuan Islam), Muhammadiyah, NU (Nahdatul Ulama), Al-Washliyah, dan Jama'ah Salafiyah. Pada bahagian selanjutnya, buku ini membahas isu berbangkit mengenai hadith. Diteruskankan pula dengan karya-karya di bidang hadith dan ilmu hadith yang dihasilkan di Indonesia.

Adapun mengenai Shaykh Ali Hasan, penulisnya dengan tegas menyatakan bahawa tokoh ini merupakan salah seorang pakar hadith yang sangat berjasa dalam pengajian hadith, dan merupakan Professor hadith pertama di Sumatera Utara.¹⁴

Ada empat alasan menurut penulis buku ini mengapa Shaykh Ali Hasan dianggap sebagai bahagian dari pada mata rantai kajian hadith di Indonesia. *Pertama*, tokoh ini telah menspesialisasikan dirinya di bidang ilmu hadith. Hal ini terlihat dari latar belakang perjalanannya ilmiahnya dan secara berterusan mendalami hadith dan ilmu hadith kepada guru-guru yang ternama di Makkah al-Mukarramah. *Kedua*, karya-karya yang ditulis, sama ada dalam bahasa Indonesia yang

¹⁴ Ramli Abdul Wahid, *Sejarah Pengkajian Hadis di Indonesia* (Medan: IAIN Press, 2010), 21

menggunakan huruf rumi, mahupun yang menggunakan bahasa arab, telah berupaya memperkenalkan kajian ilmu hadith.¹⁵

Sebagai contoh, karyanya yang bertajuk *Ilmu Hadith Praktis*, dianggap telah berjaya memberikan gambaran umum mengenai ilmu hadith dengan baik. Demikian pula karya yang bertajuk *Al-Ikmāl fī Marātib al-Rijāl*, mampu menjelaskan ilmu *Jarḥ wa Ta'dīl dan Ṭabaqah al-Rijāl* dengan ringkas dan mudah. *Ketiga*, penghargaan guru besar yang diberikan kepadanya oleh mantan Presiden Suharto juga dalam bidang hadith.¹⁶ Keempat, kontribusinya kepada para pelajar khususnya di Sumatera Utara memperkenalkan ilmu hadith yang selama ini masih langka (jarang-jarang dijumpai).¹⁷

Walaupun karya ini telah menyatakan Shaykh Ali Hasan dan keakarannya dalam bidang hadith, perbahasannya masih belum dibincangkan dengan lengkap. Buku-buku yang disenaraikan, terutamanya dalam bidang hadith, belum dibahas secara rinci. Itulah yang akan menjadi tugas penulis dalam melengkapkan pengajian mengenai Shaykh Ali Hasan dan sumbangan nyatanya kepada pengajian hadith.

8. Zainal Abidin Lubis (2011), *The Role Of Syeikh Ali Hasan Ahmad Ad-Dary On Hadith Studies In North Sumatera*, Latihan Ilmiah pelajar Fakulti Usuluddin Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara.

Penulis Skripsi (latihan ilmiah) ini berasal dari tempat yang sama dengan Shaykh Ali Hasan, iaitu daerah Panyabungan.¹⁸ Seperti tajuknya, karya ini merupakan tulisan yang sudah mengarah kepada Sumbangan Shaykh Ali Hasan Ahmad dalam

¹⁵ *Ibid.*, 23

¹⁶ Kenyataan bahawa Shaykh Ali Hasan dianugerahkan gelar Professor juga penulis dapatkan dari Ust. K.H. Ali Amri Lubis (Pendiri dan Pimpinan Pondok Darul Hadith). Maklumat tersebut didapatkan dari hasil temu bual penulis di kediaman beliau di desa Sinonoan, kecamatan Siabu, Kabupaten Panyabungan pada 14 haribulan Desember 2010.

¹⁷ Ramli Abdul Wahid, *Sejarah Pengkajian Hadis*, 23

¹⁸ Pengenalalan daerah dan nama-nama tempat berkenaan akan dapat dilihat lebih jelas pada perbahasan mengenai kehidupan Shaykh Ali Hasan.

pengajian hadith. Perkenalan pertamanya dengan Shaykh Ali Hasan adalah melalui buku “*Hadith Dua Puluh*” yang ditulis Shaykh dan menjadi subjek dalam kurikulum (sukatan pelajaran) pada madrasah ibtida’iyah tempatnya belajar.

Dalam kajiannya, Zainal Abidin membuat kesimpulan bahwa Shaykh Ali Hasan merupakan seorang peneroka pertama dalam pengajian hadith di Sumatera Utara dengan bukunya “*Pokok-pokok Mustalah Hadis.*” Buku ini terbit pada tahun 1963 oleh Pustaka Islamiyah. Penerokaan ini diteruskan pula dengan penerbitan buku-buku hadith yang lainnya. Justeru, pada kajian ini dinyatakan dengan yakinnya beliau merupakan *Professor* pertama bidang hadith di Sumatera Utara.

Namun demikian, penulis masih lagi mendapati data-data dan karya-karya yang belum dilengkapkan. Kajiannya pun masih bersifat deskriptif sahaja dan perlu penelitian yang lebih dalam. Disamping metod yang digunapakai juga masih pada peringkat awal dan menumpukan pada kajian perpustakaan. Oleh itu, penulis diharapkan dapat melengkapkan penelitian ini dengan sebaik-baiknya. *Wabillāhi al-taufīq.*

1.8. Definisi Tajuk

Penyelidikan ini berjudul “*Sumbangan Shaykh Ali Hasan Ahmad Hasibuan Al-Dārī Dalam Pengajian Hadith.*” Agar tidak mengelirukan, disini akan dihuraikan makna dari kata-kata yang perlu dijelaskan.

a. Makna Sumbangan

Dalam Kamus Dewan, sumbangan berarti “sesuatu yang di berikan sebagai bantuan.”¹⁹

Pada kajian ini, yang dimaksudkan dengan sumbangan adalah segala peranan dan kerjaya yang pernah disumbangkan Shaykh Ali Hasan dalam bidang hadith. Sama ada dalam bentuk pemikiran, pengajaran dan karya-karyanya.

b. Makna Shaykh Ali Hasan Ahmad Hasibuan Al-Dārī

Shaykh adalah gelaran atau sebutan kepada alim ulama.²⁰ Gelaran ini dengan sendirinya melekat kepada Shaykh Ali Hasan memandangkan ketinggian ilmunya dalam bidang agama. Ali Hasan, adalah nama penuh beliau, adapun Ahmad adalah nama Ayahandanya yang bernama penuh Ahmad Zein. Hasibuan menunjukkan bahawa beliau berasal dari suku mandailing daerah Sibuhuan, Tapanuli Selatan, Sumatera utara. Sedangkan al-Dārī merupakan nisbah yang beliau dapatkan sebagai alumni Dār ‘Ulūm Makkah.

c. Pengajian Hadith

Pengajian hadith yang dimaksudkan adalah semua pengajian dan pengajaran di bidang hadith. Secara amnya, pengajian hadith terbagi kepada dua bahagian. Iaitu sama pengajian hadith *riwāyah* dan *dirāyah*. Dalam hal ini, akan nampak sumbangan Shaykh Ali Hasan kepada dua cabang pengajian hadith ini menerusi karya-karyanya.

¹⁹ Hajah Noresah bt. Baharom, Kamus Dewan: Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1540

²⁰ *Ibid.*, 1559

1.9. Metodologi Kajian

Penyelidikan adalah merupakan suatu kegiatan pengumpulan, pengolahan, pengajian dan analisis data secara sistematik dan logik untuk memecahkan sesuatu persoalan atau menguji sesuatu hipotesis.²¹ Sudah pasti, dalam mencapai hasil penyelidikan yang baik, mesti dilakukan dengan metodologi yang baik. Dengan demikian diharapkan dapat menghasilkan penelitian yang sistematik dan mudah difahami. Dalam kajian ini, metodologi yang dilakukan oleh penulis adalah berbentuk kualitatif.²² Kerana metod ini dianggap lebih tepat dalam mencapai matlamat kajian.

1.9.1. Metod Pengumpulan Data

Iaitu teknik yang digunakan dalam mengumpulkan data guna dianalisis dalam suatu kajian²³. Dalam upaya tersebut beberapa kajian telah dilakukan diantaranya;

1.9.1.1. Kajian pustaka

Kajian pustaka iaitu upaya penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpulkan data yang terdapat di sumber-sumber data seperti perpustakaan.²⁴ Data yang akan dijadikan bahan kajian ialah berupa buku, jurnal, majalah, buletin dan sebagainya. Dalam kajian

²¹ Mohd. Majid Konting, *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka), 1 Menurut Sumadi Suryabrata, penelitian adalah suatu proses, yaitu suatu rangkaian langkah-langkah yang dilakukan secara terencana dan sistematis guna mendapatkan pemecahan masalah atau mendapatkan jawaban terhadap pertanyaan-pertanyaan tertentu. Lihat Sumadi Suryabrata, *Metodologi Penelitian* (Jakarta: Rajawali Press, 2003), 11

²² Penyelidikan boleh dibahagikan kepada penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Data dalam penyelidikan kuantitatif melibatkan proses penghitungan angka-angka, responden, nilai-nilai tertentu dan sebagainya. Sementara penyelidikan kualitatif menggunakan fakta, maklumat, persepsi bahkan perasaan atau apa sahaja yang boleh menjelaskan suatu fenomena. Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 25-26.

²³ Burke Johnson dan Lary Christensen, *Education Research: Quantitative and Qualitative Approaches*, (London: Allyn and Bacon, 2000),126.

²⁴ J. Supranto, *Kaedah Penyelidikan: Penggunaanya Dalam Pemasaran*, ed. Ismail Rejab dan nik Rahimah Nik Yacob (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 9. Bandingkan dengan Imam Munawir, *Metod-metod Penelitian sosial* (Surabaya: Usaha Nasional, t.t), 133

ini, penulis mengumpulkan data dan maklumat yang berhubungan dengan Shaykh Ali Hasan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Data ini akan dijumpai dalam bentuk karya yang beliau tulis sendiri mahupun yang ditulis orang lain.

Dalam menjalankan penelitian, ada beberapa perpustakaan yang akan menjadi tumpuan penulis. Iaitu perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara (IAINSU), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Padang Sidempuan, dan Sekolah Tinggi Agama Islam Tapanuli (STAITA). Ini kerana tiga pengajian tinggi ini dianggap sebagai tempat pengabdian secara langsung oleh Shaykh Ali Hasan. Namun demikian tidak menutup kemungkinan bagi penulis untuk mencari data-data di perpustakaan lainnya. Justeru buku yang berjudul *Ilmu Hadis Praktis* hanya dapat dijumpai di Perpustakaan Masjid Istiqlal Jakarta.

Sampai setakat ini, selain dari tiga tempat utama tersebut, penulis juga ada menjumpai beberapa karya beliau dicetak di Malaysia. Dua diantaranya tersenarai di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) , dua buah buku di Universiti Malaya (UM), sementara yang lain disenaraikan dalam katalog perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebuah buku karangan Shaykh Ali Hasan juga ada disimpan di Perpustakaan Universiti Brunai Darussalam (UBD).

1.9.1.2. Metod Sejarah

Metod sejarah iaitu upaya untuk mengkaji secara sistematik kejadian yang telah berlaku untuk menentukan peristiwa masa lalu yang sebenarnya terjadi. Dengan pengumpulan data dan penilaian secara objektif guna menjelaskan kejadian tersebut.²⁵ Dalam kajian ini penulis berharap mampu menghuraikan fakta sejarah kehidupan Shaykh ali hasan dari berbagai aspek, seperti agama, sosial, budaya, poitik dan pergerakan.

²⁵ Burke Johnson dan Lary Christensen, *Education Research*, 342. Bandingkan dengan L.R. Gay *Educational Research: Competencies for analysis and Application*, (New York: Mac millan, 1987), 179.

1.9.1.3. Dokumentasi

Metod dokumentasi iaitu upaya menghimpun atau mengumpul bahan atau dokumen bagi sesuatu kajian²⁶. Dokumen tersebut boleh berupa bahan bertulis atau bercetak yang dijadikan bukti atau keterangan yang sah tentang sesuatu. Seperti surat-surat pribadi, surat khabar, buku-buku catatan, laporan-laporan dari jabatan kerajaan, persatuan dan lain-lain.

Dengan metod ini diharapkan boleh memperolehi data-data yang mampu membantu dalam melengkapkan kajian ini. Data tersebut meliputi aspek riwayat hidup, keadaan semasa hidup dan pemikiran Shaykh Ali Hasan . Data boleh berupa makalah, jurnal, kertas persidangan, kertas kerja, tesis, disertasi, dan beberapa tulisan tulisan yang terkait.

Pada asasnya sumber data dikategorikan kepada dua bentuk. *Pertama*, data primari iaitu sumber data yang diperolehi daripada pihak pertama atau yang ada kaitan langsung dengan situasi yang sedang dikaji seperti penulisnya pernah terlibat atau melihat sendiri situasi itu.²⁷ *Kedua*, iaitu sumber data sekunder, yang membawa maksud kepada bahan yang ada perantara diantara penulisnya dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek diperbincangkan seperti ulasan, makalah dan juga buku ilmiah.²⁸ Ini dilakukan dengan mengolah semula data-data yang ada kemudian dikaitkan dengan objek penelitian. Dalam penggunaan metod ini, penulis mengkaji berbagai dokumen yang ada baik dokumen yang bercetak mahupun tidak, sama ada primari mahupun sekunder.

²⁶ Sheikh Osman Sheikh Salim ed. *Kamus Dewan Edisi Baru ke-3*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992),1238.

²⁷ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, 94

²⁸ *Ibid.*

1.9.1.4. Temu Bual

Metod temu bual dilakukan untuk memperolehi maklumat daripada kerabat dekat, murid-murid, dan generasi semasa yang pernah berjumpa dengan Shaykh Ali Hasan. Dengan metod ini penulis akan mendapatkan pandangan mengenai perjalanan hidup, perjuangan serta kontribusinya di masyarakat secara umum dan di bidang hadith secara khusus.

1.9.2. Metod Analisis Data

Secara ringkas, analisis data ialah suatu proses penyederhanaan data ke dalam bentuk yang lebih mudah dibaca dan difahami.²⁹ Dalam hal ini, penulis menggunakan tiga metod berikut, iaitu:

1.9.2.1. Metod Induktif

Metod induktif iaitu upaya penghuraian yang membawa kepada pencapaian satu kesimpulan dari data-data yang bersifat khusus.³⁰ Metod ini digunapakai untuk menganalisa dengan cara melihat secara menyeluruh sumbangan dalam bidang hadith pada tokoh yang dimaksud pada penelitian ini.

1.9.2.2. Metod Deduktif

Metod deduktif iaitu upaya memperolehi pengetahuan dengan terlebih dahulu membuat pernyataan yang bersifat umum tentang suatu fenomena yang dilanjutkan dengan penyajian pernyataan yang bersifat khusus tentang fenomena tersebut.³¹

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Sheikh Osman Sheikh Salim, *Kamus Dewan Edisi Baru ke-3*, 452.

³¹ Deobold P Van Dalen *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd. Majid Konting (terj.), c. 3 (Selangor: Universiti Pertanian Malaysia, 1993), 9.

1.9.2.3. Metod Komparatif

Metod ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh selama masa penelitian. Metod ini digunapakai guna membuat bandingan terhadap beberapa pendapat yang berotoriti dengan mengumpulkan data hasil penelitian yang selanjutnya dibuat perbandingan dan kesimpulan.

1.10. Sistematika Penulisan

Dalam memperolehi suatu kajian yang sistematik, maka kajian ini disusun kepada lima bab. Dalam bab pertama, mengandungi pendahuluan disertai beberapa ulasan penting seperti pengenalan, latar belakang masalah, permasalahan kajian, ulasan terhadap kajian *literature*, metodologi dan sistematika penulisan.

Adapun bab ke dua, mendedahkan mengenai landasan teroritis. Pada bab ini akan dihuraikan pengajian hadith di Indonesia dan perkembangannya. Kajian ini fokus pada perkembangan pengajian hadith selepas kurun ke 19. Disenaraikan juga beberapa nama tokoh hadith dan karya-karyanya. Dalam bab ke tiga, akan ditumpukan pada riwayat hidup Shaykh Ali Hasan . Ini meliputi nama penuh, kelahiran, pendidikan, para guru, murid-muridnya, perannya di masyarakat, karya-karya yang dihasilkan serta kewafatannya.

Pada bab ke empat, sumbangan Shaykh Ali Hasan Ahmad dalam pengajian hadith akan menjadi tumpuan. Sumbangn tersebut berbentuk pengajaran dan karya-karya. Oleh itu, pada bab ini akan di huraikan peranan dan khidmatnya dalam pengajaran dan pendidikan hadith. Selanjutnya akan disenaraikan dan diulas pula karya-karya yang pernah dihasilkan dalam pengajian hadith. Pada bab ke lima, penulis akan

menjelaskan kesimpulan yang diperoleh dari kajian ini. Kemudian akan diberikan pandangan, saran serta cadangan bagi memantapkan hasil dan manfaatnya di masa yang akan datang. *Wabillāhi al-Tawfīq.*[]